



**PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG DI LUAR BIDANG KUASA
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM**

PERATURAN 7(a)

**IKLAN ADALAH DIBUKAKAN KEPADA ORANG RAMAI DAN PEGAWAI-PEGAWAI
DAN KAKITANGAN YANG SEDANG BERKHIDMAT DENGAN PERKHIDMATAN
AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**TARIKH IKLAN: 27 JANUARI 2021
TARIKH TUTUP PERMOHONAN: 10 FEBRUARI 2021
BILANGAN IKLAN: 51/2021 (SPA/BIKL)**

Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
 - (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
 - (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
 - (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.
 - (E) Cara permohonan – Rujuk di ruang **PEMBERITAHUAN**.
-
-



- 1. MERINYU HAL EHWAL UGAMA
JABATAN HAL EHWAL SYARIAH
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
D.2-3 EB.4 (\$650 - \$1,465 SEBULAN)
KEKOSONGAN = DUA (02)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) Lulus Sijil Tinggi Pelajaran Ugama Brunei atau lulus dengan Kepujian Sijil Am Pelajaran Brunei-Cambridge Peringkat Lanjutan dalam mata pelajaran Pengetahuan Ugama Islam.

ATAU

- b) Telah berkhidmat di Kementerian Hal Ehwal Ugama dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji D.1 tidak kurang dari 3 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji E.1 tidak kurang dari 5 tahun.

ATAU

- c) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji D.1 tidak kurang dari 4 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji E.1 tidak kurang dari 6 tahun.
2. Telah lulus Peperiksaan Sekolah Ugama Darjah VI (Sijil Sekolah-Sekolah Rendah Ugama).

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Menguatkuasakan undang-undang Akta Daging Halal Penggal 183 dan Aturan-Aturannya dan Perintah Sijil Halal , 2005 dan Akta Kesihatan Awam (Makanan) Penggal 182;
2. Menjalankan pemantauan, pemeriksaan kedai, pasar dan penjaja yang menjual daging, kedai makan, restoran dan pemrosesan makanan di Negara Brunei Darussalam;
3. Memproses segala permohonan di bawah Perintah Sijil Halal dan Label Halal, 2005 dan seterusnya membuat pengauditan;



4. Menjalankan pemeriksaan di pos-pos kawalan masuk ke Negara Brunei Darussalam;
5. Menjalankan penyiasatan ke atas mana-mana aduan yang diterima, seterusnya menjalankan tindakan undang-undang jika terdapat kesalahan di bawah Akta Daging Halal Penggal 183 dan Aturan-Aturannya dan Perintah Sijil Halal dan Label Halal 2005;
6. Membuat pemeriksaan ke pusat-pusat penyembelihan yang memohon untuk mendapatkan Sijil Penyembelihan dan Lesen Membekal;
7. Menjadi pegawai pemerhati di rumah sembelihan luar negara yang telah diiktiraf halal oleh Majlis Ugama Islam Brunei; dan
8. Menerima arahan dari semasa ke semasa.



PERINGATAN:

Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Iklan : 27 Januari 2021
Tarikh Tutup : 10 Februari 2021

Tempat menghantar Borang Permohonan :

**SEKSYEN PENGAMBILAN DAN KEANGGOTAAN, TINGKAT 3,
BANGUNAN KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
JALAN DEWAN MAJLIS, BB 3910,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

Bagi keterangan lanjut, sila rujuk Surat Pemberitahuan Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.

PEMBERITAHUAN:

1. **Penggunaan Borang SPA/1**
 - a **Semua permohonan hendaklah dengan mengisikan borang SPA/1.**
 - b Borang SPA/1 boleh didapati dilaman sesawang Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (www.spa.gov.bn) klik "Muat Turun" kemudian pilih Borang SPA/1 dan dikembalikan ke tempat penghantaran borang permohonan yang disebutkan **bersama-sama dengan salinan sijil-sijil, surat-surat akuan yang lengkap dan diakui sah.**
 - c **Sijil-sijil Akademik asal (asli) hendaklah dibawa semasa menghadapi permohonan borang SPA/1 untuk pengesahan.**
 - d Pemohon hendaklah menyertakan **satu keping gambar terkini berukuran passport.**
2. Semua kelulusan, sijil-sijil kecekapan, peperiksaan yang dikendalikan oleh badan-badan profesional yang dihadapi bersama borang permohonan hendaklah **diiktiraf** oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam (selepas ini dipanggil **Kerajaan**).
3. Permohonan yang lewat **tidak akan dilayan.**